



Rujukan: UKM 3.4.1/224/3
Tarikh: 4 Jun 2008

PEKELILING PEJABAT KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN BIL. 2 (1/2008)

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMATUHAN AKTA KILANG DAN JENTERA 1967 (AKTA 139) PINDAAN 2006 & PENDAFTARAN JENTERA DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan ingin menarik perhatian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan kepada Akta Kilang & Jentera 1967 pindaan 2006 dan Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera:

Peraturan 10(1): Jentera memerlukan kelayakan

Pemunya tiap-tiap dandang stim, pengandung tekanan tak berapi atau mesin angkat lain daripada mesin angkat daripada mesin angkat guna tangan hendaklah memegang satu perakuan kelayakan yang sah berkenaan dengannya selagi jentera itu diguna.

Seksyen 19(1) : Sijil Kelayakan

Tiada seorang pun yang boleh mengendalikan atau menyebabkan atau membenarkan pengendalian mana-mana jentera di mana suatu sijil kelayakan ditetapkan, melainkan di mana berkuat kuasa berkenaan dengan pengendalian jentera tersebut suatu sijil kelayakan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

Seksyen 19(2) :

Di dalam kes di mana subseksyen (1) dilanggar seorang Inspektor hendaklah dengan sertamerta menyerahkan kepada orang tersebut di atas satu notis bertulis yang melarang pengendalian jentera tersebut atau yang menyebabkan mesin tersebut tidak boleh dikendali sehingga masa bila sijil kelayakan yang sah dikeluarkan.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu memastikan setiap jentera seperti dandang stim (contoh: *autoclave, boiler*), pengandung tekanan berapi (contoh: *generator*), pengandung tekanan tak berapi (contoh: *air compressor*), dan mesin angkat (*hoisting machine* kecuali penggunaan secara manual) yang berada di Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta mempunyai sijil perakuan kelayakan yang sah.

3. Diharap pihak Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat menyediakan dan mengemaskini rekod jentera-jentera tersebut yang terdapat di Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dan menghantar salinan rekod kepada Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan. Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(cetakan berkomputer dan tidak memerlukan tandatangan)

PROF. MADYA DR. AMRAN AB. MAJID

Ketua

Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

s.k - Y.Bhg. Prof. Dato' Naib Canselor, UKM
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor, UKM
- Pendaftar, UKM



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, d/a Bangunan Sains Nuklear, Fakulti Sains & Teknologi,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: 03-8921 3255/4350/3257/3329 Faksimili: 03-8926 9470 Mel-e: sab@ukm.my Laman web: www.ukm.my